

# Jangan taksub gaji besar

RH • 9 DEC 1992

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menegur sikap pemegang saham yang terlalu mengharapkan keuntungan besar.

Perdana Menteri juga mengingatkan golongan tertentu supaya jangan taksub dengan gaji besar sehingga lupa kepentingan meningkatkan keupayaan industri agar terus bersaing dengan negara lain.

"Kita boleh mendapat faedah besar kalau semua keuntungan itu dibahagi-bahagikan. Tetapi, kalau keuntungan itu tidak dilabur balik dalam bidang penyelidikan, pemasaran dan promosi, akhirnya industri itu akan meroiot," katanya dalam Rancangan 'Bersama Perdana Menteri' menerusi RTM, malam ini.

Di Amerika, beliau menjelaskan, industri diuruskan oleh golongan yang mahu gaji terlalu besar.

"Untuk meyakinkan pemegang saham supaya dia dibayar gaji tinggi, maka dia berusaha supaya tiap-tiap tahun dibayar dividen yang tinggi dan mendapat keuntungan yang banyak.

"Bila keuntungan banyak, pemegang saham pun

berpuas hati walaupun pengurus dibayar gaji besar.

"Tetapi, apa yang berlaku ialah mereka tidak menggunakan keuntungan untuk melabur dalam bidang penyelidikan supaya barangan mereka lebih canggih, moden dan mudah diterima. Akhirnya mutu barangan mereka jatuh, berbanding Jepun," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia perlu belajar daripada Jepun yang lebih bijak.

Menjawab soalan mengenai wujudnya elemen tawaran saham sebagai ganjaran, Dr Mahathir berkata ia sukar disekat melainkan pemegang saham meneliti pencapaian prestasi syarikat masing-masing.

"Pemegang saham juga mesti memainkan peranan yang baik, iaitu mempunyai kecekapan bukan saja untuk mendapatkan keuntungan malah menentukan syarikat itu kekal.

"Syarikat gergasi tidak semacam syarikat milik keluarga yang akan hilang selepas satu generasi.

"Syarikat gergasi korporat yang dimiliki oleh orang ramai akan berte-

rusan, mungkin seratus dua ratus tahun. Sama ada ia kekal atau tidak bergantung kepada kualiti pemegang saham," katanya.

Beliau berkata kerajaan hanya boleh menasihati tetapi sesetengah pemegang saham mesti mengambil berat mengenai prestasi syarikat.

Mengenai sikap seseorang yang tidak cinta kepada syarikat tetapi cinta kepada ganjaran, Perdana Menteri berkata: "Orang yang macam ini, dia suka melompat. Kalau diperhatikan di Jepun, kalau dia bekerja dengan satu syarikat, sampai mati dia akan bekerja dengan syarikat itu.

"Kalau mereka (di Malaysia) Pengurus Besar satu syarikat gergasi, tahun depan ditawarkan gaji rendah, dia akan melompat. Jika diberi gaji lebih di tempat lain, dia akan melompat lagi. Orang ini nampak gaji saja, bukan dia nampak syarikat," tambahnya.

Dr Mahathir juga mengajak rakyat berdisiplin kerana berpendapat sesebuah masyarakat yang berdisiplin, sanggup mengawal perasaan diri supaya dapat maju dengan lebih pesat.